

TM Pilihan Rakyat



24 Mac 2011 menyaksikan peristiwa bermakna apabila TM telah terpilih untuk memenangi Anugerah 'Syarikat Telekomunikasi Pilihan Rakyat' pada majlis Anugerah 'NEF – Awani ICT Awards' yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Sri Zam Isa tersenyum gembira ketika menerima anugerah tersebut daripada Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Apa yang membuatkan kemenangan ini lebih manis adalah para pemenang terpilih berdasarkan undian yang telah dijalankan secara 'online'. Ini menandakan ramai pelanggan yang berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan yang Syarikat kita sediakan dan membuktikan TM sebagai penyedia perkhidmatan terpilih.

Majlis anugerah ICT NEF - Awani yang diadakan buat pertama kalinya tahun ini adalah untuk mengiktiraf syarikat-syarikat dalam bidang telekomunikasi dan ICT di Malaysia yang menunjukkan aspek kecemerlangan dan keunggulan masing-masing di dalam segmen perniagaan ICT yang dipelopori, termasuk juga produk dan perkhidmatan mereka.

Di samping itu, anugerah ini turut menyanjung para penerima yang berusaha untuk meningkatkan industri ICT di Malaysia secara keseluruhan. Penerima-penerima anugerah telah dipilih berdasarkan kekuatan syarikat masing-masing dari aspek peneraju pasaran, pengekaln pengguna, prestasi, fungsi dan penggunaan.